

**GARIS PANDUAN BAGI MENDAPAT PENGESAHAN JKDM KE ATAS LATIHAN  
YANG LAYAK BAGI TUJUAN POTONGAN CUKAI PENDAPATAN DI BAWAH  
KAE DAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN BAGI KOS YANG  
BERHUBUNGAN DENGAN LATIHAN UNTUK PEKERJA BAGI PELAKSANAAN  
CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN) 2014**

**1.0 PENGENALAN**

- 1.1 Warta Kerajaan Persekutuan P.U.(A)334/2014, Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Kos Yang Berhubungan Dengan Latihan Untuk Pekerja bagi Pelaksanaan Cukai Barang Dan Perkhidmatan) 2014 bertarikh 17 Disember 2014 telah dikeluarkan bagi melaksanakan pakej bantuan seperti yang telah diumumkan oleh Kerajaan dalam Bajet 2014 selaras dengan pelaksanaan sistem Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) pada 1 April 2015.
- 1.2 Pakej bantuan ini adalah disediakan untuk menggalakkan syarikat menghantar pekerjanya menghadiri latihan yang sesuai bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mengenai GST supaya pelaksanaan GST adalah lancar dan dapat meningkatkan tahap pematuhan GST.
- 1.3 Potongan cukai bagi maksud di atas adalah bagi latihan yang dijalankan dalam tahun taksiran 2014 dan 2015.

## **2.0 TUJUAN**

Garis panduan ini dikeluarkan bertujuan ;

- 2.1 Untuk memberi penjelasan kepada syarikat/majikan bagi mengenalpasti program latihan yang dibenarkan bagi tujuan mendapat potongan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967.
- 2.2 Memastikan kandungan latihan GST berkaitan perakaunan atau teknologi maklumat & komunikasi (ICT) yang dijalankan di Malaysia adalah semata-mata bagi tujuan pelaksanaan GST dan selaras dengan Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014. Kandungan kursus hendaklah sekurang-kurangnya meliputi topik-topik seperti mana di Lampiran A.

## **3.0 SYARAT-SYARAT KELAYAKAN**

Latihan yang layak untuk mendapat potongan Cukai Pendapatan di bawah P.U.(A)334/2014, Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Kos Yang Berhubungan Dengan Latihan Untuk Pekerja bagi Pelaksanaan Cukai Barang Dan Perkhidmatan) 2014 adalah seperti berikut :

- 3.1 Latihan berkaitan Pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan tersebut hendaklah dianjurkan oleh :
  - i. Badan Professional seperti Persatuan Akauntan Malaysia (M.A.T.A), Institut Percukaian Malaysia (C.T.I.M), Institut

Akauntan Malaysia (M.I.A) atau persatuan yang diiktiraf seperti di Lampiran B;

- ii. Mana-mana penganjur yang telah mendapat pengesahan dari JKDM seperti institusi akademik, firma perakaunan dan persatuan industri /perniagaan.
- iii. Majikan yang menjalankan latihan dalaman dengan tenaga pengajar yang berkelayakan.

3.2 Kandungan kursus / latihan yang dijalankan hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya 80% topik berkaitan GST dari aspek perakaunan atau teknologi maklumat & komunikasi (ICT).

3.3 Selaras dengan peruntukan di bawah sub-kaedah 3(b) P.U.A 334/2014, potongan perbelanjaan latihan Cukai Barang dan Perkhidmatan ini tidak layak dituntut sekiranya tuntutan latihan telah dibuat daripada Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia.

#### **4.0 KAEDAH PERMOHONAN**

4.1 Bagi tujuan pengesahan latihan yang layak mendapat potongan Cukai Pendapatan di bawah Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Kos Berhubungan Dengan Latihan Untuk Pekerja Bagi Pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan) 2014 dokumen berikut perlu disertakan bersama borang permohonan;

- a) Permohonan daripada syarikat atau majikan yang telah menghantar pekerjanya menghadiri kursus yang belum mendapat pengesahan JKDM.
    - i. Resit bayaran yang sah bagi tahun semasa berkenaan.
    - ii. Sijil kehadiran latihan yang dikeluarkan oleh penganjur.
    - iii. Kandungan kursus dan risalah iklan daripada penganjur.
  - b) Permohonan daripada penganjur kursus untuk mendapat pengesahan dari JKDM.
    - i. Kandungan kursus dan risalah iklan daripada penganjur.
    - ii. Resume tenaga pengajar
    - iii. Surat pengesahan pemberian mata CPD dari badan profesional (sekiranya ada).
  - c) Permohonan daripada majikan untuk menjalankan latihan dalaman
    - i. Kandungan kursus.
    - ii. Resume tenaga pengajar.
    - iii. Kontrak dengan penyedia latihan daripada luar (sekiranya ada).
- 4.2 Semua permohonan pengesahan hendaklah dikemukakan kepada JKDM tidak lewat dari 29 Februari 2016.
- 4.3 Permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada Pengarah Bahagian GST Ibu Pejabat / Pengarah Kastam Negeri untuk mendapatkan kelulusan pengesahan.

4.6 Sebarang pertanyaan boleh menghubungi talian 03 – 8882 2111 (GST pertanyaan umum) atau talian 1-300-888-500

## **5.0 PENUTUP**

Garis panduan ini dapat memberi panduan dalam menentukan jenis latihan yang layak mendapat potongan bagi kos berhubung dengan latihan untuk pekerja bagi pelaksanaan Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014.

**MODUL LATIHAN CUKAI BARANGAN DAN PERKHIDMATAN**

<b>TITLE LIST</b>
Introduction, mechanism and type of GST supplies <ul style="list-style-type: none"><li>• Consumption tax – sales and services tax replacement and widening the scope of taxation</li><li>• VAT taxation procedure basis</li><li>• The need for change</li><li>• The imposition of GST Mechanism<ul style="list-style-type: none"><li>➢ Output tax</li><li>➢ Input tax</li><li>➢ Input tax credit(ITC)</li></ul></li></ul>
Elements of the scope of GST <ul style="list-style-type: none"><li>• Supply of goods and service<ul style="list-style-type: none"><li>➢ Meaning of supply</li><li>➢ Determination of goods and services</li><li>➢ Importation and reverse charge</li></ul></li><li>• Business<ul style="list-style-type: none"><li>➢ Business test</li></ul></li><li>• Taxable person<ul style="list-style-type: none"><li>➢ Meaning of persons</li><li>➢ Determination of taxable persons</li></ul></li><li>• Types of supply<ul style="list-style-type: none"><li>➢ Standard rate</li><li>➢ Zero rate</li><li>➢ Exempt Supply</li></ul></li><li>• Consideration and value</li><li>• Time and place of supply</li></ul>
Registration
Tax Invoice <ul style="list-style-type: none"><li>• Debit Note &amp; Credit Note</li><li>• Record Keeping</li><li>• Accounting Basis</li><li>• Taxable period</li></ul>

## **TITLE LIST**

### Transitional Rules

- Repeal of Sales Tax and Services Tax
- Registration before implementation of GST
- Supplies before and after GST (Supply spanning GST)
- Supplies made in accordance with contract
- Supplies from machine operated by coin/token

### Special Refund

Acknowledgment and payment by non-taxable persons

### Power to assess

### Anti-Avoidance Rules

### Input Tax Credit

- Input Tax Credit
- Mechanisms to claim input tax
- Allowable input tax
- Criteria for claim
- Blocked input tax
- Incidental exempt supply
- Input tax refunds
- Repayment Input Tax
- Input tax Claim in certain circumstances
  - Pre-incorporation
  - Pre-registration
  - Late registration
  - De-registration
  - Post registration

### Input tax on special transactions

### Special Scheme

- Approved Traders Scheme
- Approved Toll Manufacturer Scheme
- Approved Jeweler Scheme
- Relief on Second Hands Goods (margin scheme)
- Warehousing scheme
- Tourist Refund Scheme(TRS)
- Flat Rate Scheme

<b>TITLE LIST</b>
Special Transaction
Adjustment for credit note, debit note and bad debt relief
Partial exemption and annual adjustment
Capital Goods Adjustment

**Lampiran B**

- (a) Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA);
- (b) Institute of Chartered Accountants of Scotland;
- (c) Institute of Chartered Accountants in England and Wales;
- (d) Institute of Chartered Accountants in Ireland;
- (e) Association of Chartered Certified Accountants Australia;
- (f) Certified Practising Accountants Australia;
- (g) Australian Society of Chartered Accountants;
- (h) New Zealand Society of Chartered Accountants;
- (i) Canadian Institute of Chartered Accountants;
- (j) Institute of Chartered Accountants of India;
- (k) Chartered Institute of Management Accountants (United Kingdom).